



KENYATAAN MEDIA

**PENGANUGERAHAN DARJAH, BINTANG DAN PINGAT KEBESARAN
NEGERI MELAKA TAHUN 2022
SEMPENA HARI JADI KE-73 TUAN YANG TERUTAMA YANG DI-PERTUA
NEGERI MELAKA PADA 24 DAN 27 OGOS 2022
(RABU DAN SABTU)**

Melaka, 24 Ogos 2022 - Adalah dimaklumkan bahawa Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Melaka telah berkenan supaya Istiadat Penganugerahan Darjah, Bintang dan Pingat Kebesaran Negeri Melaka Tahun 2022 pada 24 Ogos 2022 dan 27 Ogos 2022 .

Pada tahun ini seramai 883 orang akan menerima penganugerahan Darjah, Bintang dan Pingat Kebesaran untuk dua hari tersebut yang terdiri daripada Anggota Perkhidmatan Awam Negeri dan Persekutuan, Ahli Politik, Ahli Korporat, Anggota Pertubuhan Bukan Kerajaan, Pengamal-Pengamal Media Massa dan Ahli-ahli Badan Sukarelawan. Tiga sesi Istiadat akan dijalankan pada 24 Ogos 2022 (sesi pertama), 27 Ogos 2022 (sesi kedua dan ketiga).

Senarai Penerima Utama

Istiadat Penganugerahan Darjah, Bintang dan Pingat Kebesaran Negeri Melaka bagi tahun 2022 didahului oleh penerima Darjah Utama Negeri Melaka (D.U.N.M) yang membawa gelaran Datuk Seri Utama. Ia dianugerahkan kepada YAB Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob, Perdana Menteri Malaysia. Manakala penerima Darjah Gemilang Seri Melaka (D.G.S.M) yang membawa gelaran Datuk Seri akan dikurniakan kepada YDH CP Dato' Ayob Khan bin Mydin Pitchay, Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik, Polis Diraja

Malaysia dan Tuan Yang Terutama Letnan Jeneral (Purnawan) Datuk Seri Prabowo Subianto, Menteri Pertahanan Republik Indonesia. Anugerah kepada Tuan Yang Terutama Letnan Jeneral (Purnawan) Datuk Seri Prabowo Subianto telah dikurniakan pada 26 Julai 2022 di Dewan Utama, Pejabat TYT Yang di-Pertua Negeri Melaka.

Seramai **26** penerima bagi anugerah **Darjah Cemerlang Seri Melaka (D.C.S.M.)** yang membawa gelaran **Datuk Wira** antaranya ialah:

- 1) **YB Datuk Zaidi bin Johari**
Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka
- 2) **YDH CP Datuk Zaini bin Jass**
Pengarah Pengurusan
Polis Diraja Malaysia Bukit Aman
- 3) **YBhg. Datuk Abdul Halim bin Haji Mohammad**
Setiausaha Politik kepada Presiden UMNO
- 4) **YBhg. Datuk Baharin bin Din**
Ketua Pegawai Eksekutif TNB
- 5) **Ybrs. Dr. Syafruddin Kambo**
Ketua Umum, Dewan Masjid Indonesia
- 6) **YBhg. Datuk Nur Azmi bin Ahmad**
Setiausaha Khas Kepada TYT Yang di-Pertua Negeri Melaka

Seramai **9** penerima lagi akan dianugerahkan **Darjah Mulia Seri Melaka (D.M.S.M.)** yang membawa gelaran Datuk, iaitu:

- 1) **YBhg. Datuk Isham bin Ishak**
Ketua Setiausaha
Kementerian Pengangkutan Malaysia

- 2) **YBrs. Dr. Haji Omar Raisul As-Salam Syah bin A. S Omar**
Pengerusi
Perbadanan Baitulmal Negeri Sabah

- 3) **Encik Suria Kumar a/l Subramaniam**
Setiausaha Sulit Kanan kepada
YB Menteri Sumber Manusia

Manakala seramai 163 penerima akan menerima **Darjah Pangkuan Seri Melaka (D.P.S.M.)** yang membawa gelaran Datuk, antara penerimanya ialah:

- 1) **TYT Eldeen Husaini bin Mohd Hashim**
Duta Malaysia ke Kemboja

- 2) **Encik Mohd Zamri bin Mat Zain**
Timbalan Ketua Setiausaha
Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia

- 3) **Brigedier Jeneral Mohd Saifulisham bin Haji Baharun**
Panglima 1 Briged Infantri Malaysia

- 4) **Encik Saiful Hazwa bin Kipli**
Pegawai Daerah
Pejabat Daerah dan Tanah Alor Gajah

- 5) **Tuan Haji Mohd Yusof bin Abu bakar**
Ketua Pegawai Eksekutif
Melaka Waterfront Economic Zone (MWEZ)

- 6) **YBrs. Dr Rusdi bin Abd Rahman**
Pengarah
Jabatan Kesihatan Negeri Melaka

- 7) **En. Ramli bin Mohd Ali**
Pengerusi Persatuan Bulan Sabit Merah Negeri Melaka

- 8) **Encik Borhan bin Othman Ali**
Setiausaha Sulit Kanan kepada
YAB Ketua Menteri Melaka

- 9) **Encik Suhaimi bin A. Rahman (Amy Search)**
Pegiat Seni

Bagi penganugerahan Darjah Seri Melaka seramai 41 orang penerima. Bintang Gagah Perkasa (BGP) untuk tahun 2022, dianugerahkan kepada Allahyarham Mohd Diya bin Che Jusoh, Pegawai Bomba Kanan II yang telah terkorban semasa operasi menyelamatkan mangsa banjir di Kampung Sungai Putat pada 20 Oktober 2021. Bagi mengenang jasa dan pengorbanan beliau, TYT Yang di-Pertua Negeri Melaka telah menganugerahkan BGP kepada Allahyarham dan diwakili oleh balu beliau iaitu Pn Noraida binti Che Noh. Selain itu juga, penganugerahan Pingat Jasa Kebaktian dianugerahkan kepada En Azwan bin Omar atau dikenali sebagai Abang VIVA di atas jasa beliau membantu mangsa banjir.

Seramai 71 orang penerima dianugerahkan **Bintang Cemerlang Melaka (BCM)** diikuti 159 penerima **Bintang Khidmat Terpuji**, 258 penerima **Pingat Jasa Kebaktian (PJK)**, 151 penerima **Pingat Bakti Masyarakat (PBM)** dan 2 penerima **Pingat Khidmat Lama (PKL)**.

Istiadat Penganugerahan Darjah, Bintang dan Pingat Kebesaran Negeri Melaka Tahun 2022 dilaksanakan dengan mematuhi prosedur kesihatan dan keselamatan yang telah ditetapkan.

Sekian, terima kasih.

Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka

Merangkap

Pengerusi Jawatankuasa Induk Sambutan

Hari Jadi Ke-73 Tuan Yang Terutama Yang Di-Pertua Negeri Melaka

Seri Negeri, Ayer Keroh

MELAKA